

Peringatan Dr M harus dipandang serius

13/11/03
KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyifatkan peringatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Melayu memperbaiki pencapaian bagi memastikan mereka kekal meneraju negara sebagai amanat yang perlu dipandang serius.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Melayu perlu menumpukan proses pembinaan dan pembangunan bangsa untuk memastikan mereka bergerak pantas menyaingi kehebatan kaum lain.

Katanya, Melayu perlu berubah dari segi pemikiran supaya mampu berdaya saing dan mempunyai ketahanan tinggi untuk sama-sama maju setanding bangsa lain.

"Kita perlu lebih praktikal dan bukan emosional dalam sebarang tindakan. Selain itu, kita harus bersiap sedia menguasai dan menerokai pelbagai bidang.

"Jika bangsa kita tidak ikut maju, mustahil Bumiputera dapat mengekalkan ketuanan di negara sendiri pada masa depan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia perlu melahirkan lebih ramai rakyat yang memiliki daya tahan tinggi seperti Datuk Abdul Malik Mydin yang mencatat sejarah tersendiri negara apabila berenang sejauh 58 kilometer merentasi Selat Inggeris.

Dalam perutusan Hari Kebangsaan ke-46 semalam, Dr Mahathir antara lain berpesan kepada Melayu supaya tidak membiarkan pemikiran mereka dijajah semula bagi membolehkan Bumiputera kekal sebagai bangsa yang menerajui pemerintahan Malaysia.

Perdana Menteri yang banyak memberi tumpuan kepada masalah Bumiputera, Melayu dan Islam dalam perutusan terakhirnya sebagai Perdana Menteri menegaskan kesanggupan semua kaum berkongsi nikmat secara bijak adalah kunci mengekalkan kemerdekaan hampir lima dekad Malaysia.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berpendapat teguran itu bukan perutusan biasa, sebaliknya perlukan perbincangan serius pelbagai pihak, termasuk pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan pakar pendidik bagi mencari jalan terbaik memperbaiki kelemahan Bumiputera.

Katanya, pesanan itu dianggap pesanan terakhir Dr Mahathir kepada semua lapisan masyarakat, khususnya Bumiputera supaya tidak leka dan masih jauh terkebelakang dalam pelbagai sektor, terutama bidang ekonomi.

"Bagi saya, satu perbincangan besar-besaran perlu diadakan untuk mencari penyelesaian dan mengenal pasti cara terbaik meningkatkan taraf hidup Bumiputera.

"Jelas, perutusan itu berpesan Melayu tidak menggunakan jalan pintas untuk cepat membina kekayaan," katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berharap orang Melayu tidak tersinggung dengan teguran dan pesanan Perdana Menteri, sebaliknya perlu menghayati amanat itu bagi mengubah sikap dan memperbaiki diri untuk bersaing dengan kaum lain.

"Apa yang diperkatakannya itu menunjukkan keikhlasan dan kasih pemimpin yang mahu melihat kestabilan dan perpaduan kaum terus kukuh.

"Walaupun Dr Mahathir memberi tumpuan kepada Melayu, kaum lain tidak harus kecewa. Mereka harus melihat teguran daripada sudut positif untuk meningkatkan kemajuan diri.

"Ini kerana pembangunan Bumiputera belum sama dengan kemajuan yang dicapai kaum lain. Sekiranya gagal, pasti berlaku keadaan tidak stabil kerana Melayu adalah majoriti di negara ini," katanya.